

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam sistem bunyi bahasa Melayu dan bahasa Perancis dan juga untuk mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu di dalam penyebutan bunyi-bunyi bahasa Perancis. Kajian ini juga cuba membantu guru-guru yang terlibat dengan pengajaran bahasa Perancis di Malaysia agar lebih memahami apa dan mengapa pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah di dalam penyebutan bunyi-bunyi bahasa Perancis.

Kajian Analisis Kontrastif dijalankan berpandukan kepada pendekatan analisis kajian yang dikemukakan oleh **Robert Lado (1957)**. Sistem fonetik dan fonologi kedua-dua bahasa dihuraikan secara sistematik dan kemudian dibandingkan secara selari untuk mencari persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Ramalan masalah-masalah yang mungkin timbul dalam proses pembelajaran bahasa sasaran dibuat berdasarkan unsur-unsur yang menunjukkan persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya. Seterusnya, Analisis Kesilapan yang dipelopori oleh **S.P. Corder (1967)** dijalankan bagi melihat masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Data untuk tujuan Analisis Kesilapan dikumpul daripada pelajar-pelajar Melayu yang sedang mempelajari bahasa Perancis di salah sebuah IPTS di Selangor.

Selain daripada mengesahkan ramalan yang dibuat di dalam kajian Analisis Kontrastif, kajian Analisis Kesilapan juga memperlihatkan bahawa masalah di dalam pemerolehan sesuatu bahasa bukan hanya berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara bahasa sumber dan bahasa sasaran tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Melayu turut menghadapi masalah di dalam penyebutan bunyi-bunyi bahasa Perancis yang mempunyai persamaan dengan bahasa pertama mereka. Masalah ini akibat daripada sistem ejaan perkataan BP yang pelbagai bentuk dan juga pengaruh sebutan bahasa Inggeris.

Dapatan kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan yang dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi bahasa Melayu dan bahasa Perancis menunjukkan bahawa kedua-dua pendekatan kajian ini saling melengkapi bagi mengenal pasti masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Kedua-dua pendekatan ini masih relevan dijalankan kerana kedua-duanya telah terbukti sangat berguna dan telah memberi sumbangan yang sangat besar di dalam bidang linguistik terapan.

ABSTRACT

This study was undertaken to investigate the similarities and differences of the Malay and French sound systems and to identify what are the problems faced by Malay students when pronouncing the French words. This research also aims to help teachers involved in the teaching of French in Malaysia to have better understanding of what and why Malay students have problems in producing the French sounds.

The Contrastive Analysis was conducted based on the approach proposed by **Robert Lado (1957)**. The phonetics and phonological systems of both languages are described systematically and then compared to see the similarities and differences between the two. The hypothesis that the students might encounter problems in the learning of the target language are made based on these similarities and differences. Next, Error Analysis approach proposed by **S.P. Corder (1967)** was then conducted to investigate the real problems faced by the students. Data for the Error Analysis is gathered from a group of Malay learners of French at a private higher institution in Selangor, Malaysia.

Besides confirming the predictions made utilising the Contrastive Analysis, the Error Analysis shows that errors in language acquisition were not only caused by the differences between source and target languages but may also come from other factors. Findings of the research showed that Malay students also have difficulties in pronouncing French sounds which are similar to the sounds of their first language. This problem arises due to the various French spelling systems and also because of the influence of English pronunciations.

The findings of the Contrastive and Error Analyses of the phonetics and phonological systems of Malay and French have shown that these two approaches complement each other at identifying problems in teaching and learning of second or foreign languages. These two approaches are still relevant because they have proven to be very useful and have given a great contribution to the area of applied linguistics.